

Tahap Kefahaman dan Penerimaan Pelajar Tahun 2 Universiti Kebangsaan Malaysia Terhadap Kontrak Pembelajaran

(The Level of Understanding and Acceptance of the 2nd Year Universiti Kebangsaan Malaysia Students on the Learning Contract)

JUMALI HJ SELAMAT, KHAIDZIR HJ ISMAIL, KADARUDDIN AIYUB, KADIR ARIFIN, LUKMAN Z. MOHAMAD, ROSLEE RAJIKAN, AZAHAN AWANG, MOHD. HELMI ABD RAHIM, FARHANA ABDULLAH & NUR AIN KAMAL

ABSTRAK

Kefahaman individu boleh terbina melalui maklumat yang diperolehi, kualiti maklumat dan cara maklumat disampaikan. Sehubungan itu, kertas ini bertujuan mengenal pasti tahap kefahaman pelajar UKM terhadap pelaksanaan kokurikulum berkredit berasaskan kontrak pembelajaran. Seramai 1013 responden terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman responden adalah sederhana dengan nilai min antara 3.29 hingga 3.48 terhadap empat elemen utama iaitu konsep kontrak pembelajaran, tujuan dilaksanakan, cara pelaksanaan dan mekanisme permohonan. Tahap pengetahuan responden pula, ianya berada pada tahap yang sangat baik dengan min antara 1.61 hingga 1.81. Sementara itu, tahap penerimaan pelajar menunjukkan 35.4 peratus yang bersetuju walaupun pelbagai maklumat disediakan untuk memberi penerangan. Oleh itu, sebahagian daripada cadangan yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan tahap penerimaan pelajar ialah mengadakan taklimat berterusan, hari bersama pelanggan, penggunaan sistem dan melantik felo daripada fakulti dan kolej.

Kata kunci: kokurikulum, mahasiswa, kontrak pembelajaran, kolej kediaman

ABSTRACT

Individual understanding can be built through the information obtained, the quality of information and the way information is presented. Consequently, this paper aims to identify the level of the UKM students' understanding to the implementation of credited co-curriculum programmes based on learning contracts. A total of 1013 respondents participated in this study. Results showed that respondents' level of understanding is moderate with a mean of 3.29 to 3.48 on the four main elements of the concept of learning contracts, implemented purposes, method of implementation and application mechanism. The level of knowledge the respondents, it was at a very good level with a mean of 1.61 to 1.81. Meanwhile, the level of acceptance showed 35.4 percent of students who agree although a variety of information available to provide information. Therefore, some of the recommendations could be implemented to improve students' acceptance is ongoing briefing, day with clients, the use of the system and appoints faculty and college fellows.

Keywords: co-curriculum, university students, learning contracts, residential colleges

PENGENALAN

Kefahaman adalah merujuk kepada pengetahuan dalam pemikiran seseorang tentang sesuatu perkara (Kamus Dewan 2010). Kefahaman terhadap sesuatu perkara merupakan asas penting dalam meningkatkan pengetahuan seseorang. Kefahaman individu boleh terbina melalui maklumat yang diperolehi, kualiti maklumat dan cara maklumat disampaikan. Menurut Lemieux (2001), kefahaman dan pengetahuan pelajar tentang kaedah kontrak pembelajaran di universiti adalah penting bagi melancarkan pelaksanaan semua program dan aktiviti kokurikulum. Aktiviti kokurikulum boleh dijadikan landasan bagi pelajar mengembangkan minat dan bakat yang agak terbatas dalam kurikulum khusus pengajian mereka (Mahoney et. al. 2003; Jamaludin et al. 2009; Canham & Bennett 2002). Ini dibuktikan melalui kajian Tuohy & Bailey (2009) yang menganalisis pengalaman pelajar tahun akhir jurusan kejururawatan yang mengikuti program ijazah sarjana muda di University of Limerick di Ireland dan mendapati faktor sokongan daripada kakitangan akademik dan penyaluran ilmu pengetahuan berkaitan teori sebelum melaksanakan sebarang program dan aktiviti adalah antara faktor yang mempengaruhi kejayaan pelaksanaan kontrak pembelajaran di universiti.

Dalam konteks Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kontrak pembelajaran adalah berasaskan kepada persetujuan antara pelajar dan pengajar atau pensyarah untuk melaksanakan sesuatu aktiviti atau projek. Pelajar bertanggungjawab membuat perancangan yang dipersetujui secara bersama dengan pensyarah dan kemudiannya melaksanakan projek sepertimana yang dipersetujui (Sharifah Hapsah et. al., 2011). Dalam melaksanakan kokurikulum ber kredit berasaskan kontrak pembelajaran Pusat Akreditasi Pembelajaran (PAP) telah diberi tanggungjawab untuk menilai dan mengiktiraf setiap aktiviti atau projek yang dijalankan oleh pelajar.

Pelaksanaan kokurikulum ber kredit berasaskan kontrak pembelajaran yang dijalankan di UKM adalah mendasari konsep aktiviti pemacu sendiri pelajar (student-driven) yang bermatlamat memperoleh dan mempertingkatkan kemahiran insaniah (*soft skills*). Aktiviti atau program yang dijalankan dipilih mengikut minat dan kecenderungan pelajar bagi mengasah bakat dan menggarap kemahiran dalam suasana pembelajaran yang luwes (*flexible*) dan menyeronokkan (*enjoyable*). Penyertaan dan penghayatan pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*) menerusi aktiviti

yang bersifat asli (*authentic*) menjadikan aktiviti kokurikulum sebagai wadah pelengkap kepada pengalaman pembelajaran menyeluruh (*total learning experience*) berasaskan sikap saling mempercayai dan jujur (*honour*) selaras dengan matlamat Pusat Akreditasi Pembelajaran dan aspirasi UKM (Sharifah Hapsah et. al. 2011).

Pendekatan ini mensasarkan setiap pelajar hendaklah mencapai dan menguasai lapan hasil pembelajaran iaitu kemahiran sosial dan kebertanggungjawaban, kemahiran komunikasi, kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat, nilai, sikap, etika dan profesionalisme, pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan pendekatan saintifik, kepimpinan dan kerja berpasukan, kemahiran pengurusan dan keusahawanan serta kemahiran kreatif dan inovatif bagi meningkatkan kemahiran insaniah (Sharifah Hapsah et. al. 2011).

Pencapaian hasil pembelajaran ini diharapkan mampu melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran tinggi dalam berkomunikasi, boleh berkerjasama dalam pasukan, mampu membuat perancangan dan menganjurkan sesuatu aktiviti serta mempunyai pemikiran analitikal, cekap dalam penyelesaian masalah dan mempunyai daya kepimpinan (Johnston & Watson 2004; Hermens & Clarke 2009; Brecko 2003).

Penglibatan pelajar dalam akademik dan aktiviti sosial merupakan penyumbang kepada kejayaan pelajar dan menjadi petunjuk bagi kualiti sesebuah institusi pengajian tinggi (Kuh et al. 2006; Jamaludin et al. 2009; Mulder 2009; Rye 2008). Di samping itu, pelajar juga diharapkan dapat mengadaptasi pengalaman kehidupan dalam pelbagai konteks dan mampu berdaya saing di pasaran kebangsaan dan antarabangsa.

Bagi mengukuhkan lagi pemahaman pelajar terhadap kontrak pembelajaran ini, taklimat dan latihan dijalankan terhadap kumpulan sasar yang terdiri daripada pentadbiran akademik fakulti, kelab dan persatuan serta Majlis Perwakilan Pelajar UKM. Penerangan ini penting agar kesemua teras pentadbiran universiti jelas akan kepentingan pelaksanaan kokurikulum ber kredit berdasarkan kontrak pembelajaran untuk sama-sama membantu menjayakan program bagi pembangunan sahsiah pelajar UKM. Oleh yang demikian, perbincangan ini akan membicarakan tentang tahap kefahaman pelajar terhadap pelaksanaan kokurikulum ber kredit berasaskan kontrak pembelajaran yang telah dilaksanakan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini bersifat statistik deskriptif yang menggunakan kaedah soal selidik (*survey*) sebagai kaedah utama untuk mendapatkan data. Skala likert 5 tahap digunakan untuk menilai tahap kefahaman pelajar. Soal selidik ini telah diuji terlebih dahulu tahap kebolehpercayaan dan keesahannya. Konsistensinya diukur dengan menggunakan ujian alpha Cronbach. Secara keseluruhan seramai 1013 responden terlibat dalam kajian ini seperti Jadual 1. Mereka ini terdiri

daripada pelajar tahun dua yang tinggal di kolej kediaman dan luar asrama dan pemilihannya dibuat secara rawak. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) versi 16 untuk melihat frekuensi, peratusan dan min bagi setiap pernyataan. Kaedah ini dipilih kerana ia merupakan kaedah paling berkesan untuk menghurai dan menerangkan tentang tahap kefahaman, kesedaran dan pengetahuan pelajar terhadap pelaksanaan kontrak pembelajaran.

JADUAL 1. Jumlah keseluruhan soal selidik mengikut kolej kediaman

Bil	Kolej	Jumlah
1	Burhanuddin Helmi	47
2	Tun Syed Nasir	121
3	Ibrahim Yaakub	75
4	Ungku Omar	95
5	Keris Mas	139
6	Aminuddin Baki	91
7	Zaaba	111
8	Rahim Kajai	69
9	Dato Onn	46
10	Husein Onn	66
11	Tun Dr. Ismail	10
12	Ibu Zain	55
13	Luar Asrama	88
Jumlah		1013

Sumber: Kajian Lapangan, 2011

Kertas ini mengupas hasil analisis berasaskan dua isu utama iaitu: (i) tahap kefahaman dan pengetahuan pelajar tentang konsep kontrak pembelajaran dan (ii) persetujuan dan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kontrak pembelajaran di UKM.

HASIL KAJIAN

Tahap kefahaman dan pengetahuan pelajar terhadap kontrak pembelajaran

Untuk mencapai tahap kefahaman dan pengetahuan pelajar tentang kontrak pembelajaran Pusat Akreditasi Pembelajaran (PAP) UKM yang diberi tanggungjawab telah menyediakan dua (2) buah buku iaitu *Garis Panduan Kokurikulum Berkredit Berasaskan Kontrak Pembelajaran* dan *Panduan Prasiswazah*

Pusat Akreditasi Pembelajaran bagi membantu pelajar memahami konsep dan pelaksanaan kontrak pembelajaran. Di samping itu, penerangan dan latihan dijalankan terhadap kumpulan sasar sama ada di peringkat fakulti, kolej kediaman atau persatuan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan mendapati tahap kefahaman responden berada pada tahap sederhana dengan nilai min di antara 3.29 hingga 3.48 terhadap empat elemen utama iaitu konsep kontrak pembelajaran, tujuan dilaksanakan, cara pelaksanaan dan mekanisme permohonan. Hanya sejumlah 527 responden (52%) menyatakan mereka Faham terhadap konsep dan tujuan kontrak pembelajaran ini dilaksanakan. Namun, sekiranya nilai tersebut digabungkan dengan peratusan responden yang Sangat Faham terhadap kedua-dua elemen ini, nilainya boleh mencecah sehingga 60 peratus berbanding 22.8 peratus sahaja bagi responden yang Tidak Faham dan Sangat Tidak Faham.

Sementara itu, hanya 427 (42.2%) dan 436

(43 %) responden sahaja menyatakan yang mereka faham tentang cara pelaksanaan dan kaedah mengisi borang kontrak pembelajaran. Selebihnya iaitu 379 (37.4%) responden pula mengatakan mereka tidak pasti sama ada faham atau tidak tentang cara pelaksanaan dan mekanisme kontrak pembelajaran. Keadaan ini dikenal pasti berpunca daripada sikap berdiam diri

dan kurang pertanyaan daripada responden semasa taklimat dijalankan. Malah sikap 'pura-pura' faham ini menyukarkan penyelidik untuk mengenal pasti masalah yang membelenggu responden. Berikut Jadual 2 yang menunjukkan tahap kefahaman responden terhadap kontrak pembelajaran.

JADUAL 2. Tahap kefahaman terhadap kontrak pembelajaran

Pernyataan	Sangat Tidak Faham		Tidak Faham		Tidak Pasti		Faham		Sangat Faham		Min
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%	
1. Faham tentang kontrak pembelajaran	31	3.1	85	8.4	326	32.2	527	52.0	44	4.3	3.46
2. Faham tujuan kontrak pembelajaran	35	3.5	79	7.8	316	31.2	527	52.0	56	5.5	3.48
3. Faham bagaimana melaksanakan kontrak pembelajaran	46	4.5	109	10.8	398	39.3	427	42.2	33	3.3	3.29
4. Faham kaedah mengisi borang kontrak pembelajaran	40	3.9	113	11.2	379	37.4	436	43.0	45	4.4	3.33

Nota : f = kekerapan, N=1013

Sumber: Kajian Lapangan, 2011

Selanjutnya, bagi menilai tahap pengetahuan responden setiap elemen dalam Jadual 3 diperincikan lagi dengan soalan-soalan yang dibina berbentuk pernyataan negatif dan positif. Ini bertujuan untuk memastikan konsep dan elemen dalam kontrak pembelajaran benar-benar difahami oleh setiap pelajar. Hasil kajian mendapati bagi pernyataan berbentuk negatif (kategori salah adalah jawapan sebenar), tahap pengetahuan pelajar berada

pada tahap yang sangat baik dengan min antara 1.61 hingga 1.81 seperti dalam Jadual 3. Secara umumnya, lebih 70 peratus responden memahami dengan jelas elemen-elemen dalam kontrak pembelajaran kecuali bagi elemen 2 dan 5 yang mempunyai min terendah iaitu sebanyak 1.66 dan 1.61. Ini menunjukkan pelajar telah memahami dengan jelas tentang kontrak pembelajaran.

JADUAL 3. Tahap pengetahuan pelajar terhadap kontrak pembelajaran
(elemen negatif)

Elemen	Perkara	Betul		Salah		NA		Min
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	
1.	Pendaftaran kontrak pembelajaran adalah sama seperti pendaftaran kursus-kursus akademik lain	212	20.9	787	77.7	14	1.4	1.79
2.	Pelaksanaan kontrak pembelajaran boleh dibuat melalui kuliah/kursus	338	33.4	662	65.4	13	1.3	1.66
3.	Pemilihan penyelia hanya boleh dibuat daripada kalangan pensyarah fakulti masing-masing sahaja	203	20	798	78.8	12	1.2	1.8
4.	Kontrak pembelajaran mesti diselesaikan dalam 2 semester	171	16.9	833	82.2	9	0.9	1.83
5.	Gred kontrak pembelajaran tidak dikira dalam PNGK	390	38.5	614	60.6	9	0.9	1.61
6.	Pelajar tidak perlu menyediakan laporan selepas selesai melaksanakan aktiviti/projek kontrak pembelajaran	194	19.2	809	79.9	10	1	1.81
7.	Anda mesti menyelesaikan 6 hasil pembelajaran bagi melengkapkan kokurikulum berkredit	267	26.4	738	72.9	8	0.8	1.73
8.	Kontrak pembelajaran terhad dilaksanakan dalam semester tertentu sahaja	225	22.2	776	76.6	12	1.2	1.78

Nota: *f*= Kekerapan penilaian, N= 1013

Sumber: Kajian Lapangan, 2011

Manakala bagi pernyataan yang berbentuk positif pula, tahap pengetahuan pelajar berada pada tahap yang tinggi seperti dalam Jadual 4. Keseluruhannya lebih 80 peratus responden memahami dengan jelas pelaksanaan kontrak pembelajaran ini. Malah konsep *authentic, experiential learning, total learning experience, honour* dan kemahiran soft skills yang ingin ditekankan juga difahami tentang kepentingannya. Namun perhatian perlu diberikan terhadap elemen 6, 12 dan 14 kerana

ketiga-tiga elemen ini pada dasarnya difahami oleh sebahagian besar responden (melebihi 50%). Bagaimana pun hasil dapatan ini menunjukkan masih ramai responden yang tidak memahami dengan jelas bilangan ahli yang diperlukan bagi setiap aktiviti, keperluan memenuhi 320 jam notional dan kewujudan ciri-ciri keseronokan (*enjoyable*) dalam melaksanakan aktiviti ini.

JADUAL 4. Tahap pengetahuan pelajar terhadap kontrak pembelajaran
(elemen positif)

Elemen	Perkara	Betul		Salah		NA	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
6	Aktiviti/projek kontrak pembelajaran hanya boleh didaftarkan sekiranya mempunyai sekurang-kurangnya 15 orang pelajar	711	70.2	287	28.3	15	1.5
10	Usulan/proposal aktiviti projek dan pelaksanaan kontrak pembelajaran mestilah daripada pelajar	819	80.8	185	18.3	9	0.9
11	Pelaksanaan kontrak pembelajaran mesti dipersetujui bersama oleh pelajar dan penyelia	903	89.1	101	10	9	0.9
12	Kontrak pembelajaran mesti memenuhi 320 jam notional	761	75.1	243	24	9	0.9
13	Semua kemahiran insaniah (soft skills) boleh dicapai melalui kontrak pembelajaran	867	85.6	135	13.3	11	1.1
14	Kontrak pembelajaran mewujudkan ciri-ciri keseronokan (enjoyable) ketika melakukan aktiviti/projek	745	73.5	256	25.3	12	1.2
15	Kontrak pembelajaran menekankan konsep keaslian (authentic) idea	814	80.4	188	18.6	11	1.1
16	Kontrak pembelajaran menekankan konsep pengalaman pembelajaran (experiential learning)	884	87.3	118	11.6	11	1.1
17	Kontrak pembelajaran menekankan konsep pengalaman pembelajaran menyeluruh (total learning experience)	866	85.5	137	13.5	10	1
18	Kontrak pembelajaran menekankan konsep sikap saling mempercayai dan jujur (honour)	872	86.1	133	13.1	8	0.8

Nota: *f*= Kekerapan penilaian, N= 1013

Sumber: Kajian Lapangan, 2011

Persetujuan dan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kontrak pembelajaran

Pemahaman terhadap kontrak pembelajaran amat penting dalam menentukan kejayaan pelaksanaan kontrak pembelajaran di UKM. Walaupun pelbagai informasi dan maklumat telah disalurkan namun ianya masih belum mencukupi untuk melihat penerimaan pelaksanaan kokurikulum bercredit berasaskan kontrak pembelajaran secara menyeluruh. Ini terbukti apabila hasil kajian menunjukkan secara puratanya hanya 35.4 peratus responden sahaja yang dapat menerima

pelaksanaan pendekatan baru ini. Malah sejumlah 34.7 peratus tidak bersetuju sekiranya kokurikulum baru ini dilaksanakan. Manakala selebihnya (29.5%) tidak pasti samada konsep baru ini wajar diteruskan atau tidak seperti dalam Jadual 5. Ini mungkin disebabkan pelaksanaan kokurikulum bercredit berasaskan kontrak pembelajaran baru sahaja mencecah tujuh (7) bulan dan masih belum jelas keberkesanannya. Kesimpulannya pelajar masih bersetuju dan boleh menerima pelaksanaan kokurikulum bercredit berasaskan kontrak pembelajaran.

JADUAL 5. Persetujuan dan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kontrak pembelajaran

Elemen	Organisasi	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		NA	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
1.	Adakah anda bersetuju kontrak pembelajaran dilaksanakan di UKM	170	16.8	181	17.9	299	29.5	317	31.3	45	4.4	1	0.1
2.	8 Hasil Pembelajaran (HP) dapat dicapai melalui kontrak pembelajaran	67	6.6	111	11.0	329	32.5	427	42.2	76	7.5	3	0.3
3.	Kokurikulum berasaskan kontrak pembelajaran hanya dilaksanakan di UKM	43	4.2	85	8.4	397	39.2	339	33.5	138	13.6	2	0.2
4.	UKM mampu melaksanakan kontrak pembelajaran	53	5.2	89	8.8	393	38.8	392	38.7	78	7.7	8	0.8
5.	Aktiviti/projek boleh dilaksanakan dimana-mana pusat pembelajaran di UKM	27	2.7	51	5.0	243	24.0	566	55.9	123	12.1	3	0.3
6.	Aktiviti/projek boleh dilaksanakan bersama organisasi luar UKM	28	2.8	35	3.5	276	27.2	541	53.4	128	12.6	5	0.5
7.	Kepakaran luar boleh dilantik sebagai penyelia kedua	27	2.7	56	5.5	373	36.8	443	43.7	104	10.3	10	1.0
8.	Pelaksanaan kontrak pembelajaran memberi kebebasan kepada anda untuk memilih aktiviti yang diminati	36	3.6	56	5.5	226	22.3	521	51.4	168	16.6	6	0.6
9.	Kontrak pembelajaran menggalakkan pelajar menghasilkan idea-idea baru dan asli (<i>authentic</i>)	39	3.8	46	4.5	259	25.6	524	51.7	141	13.9	4	0.4
10.	Jumlah 320 jam notional mencukupi untuk menyelesaikan kontrak pembelajaran	65	6.4	69	6.8	325	32.1	406	40.1	139	13.7	9	0.9

Nota: *f* = Keckerapan Penilaian, N=1013

Sumber: Kajian Lapangan, 2011

Berdasarkan analisis ini, ianya tidak bermakna kegagalan kepada konsep baru yang cuba diketengahkan. Hal ini berlaku kerana berdasarkan 10 elemen yang dianalisis lebih 50 peratus responden faham bahawa setiap program dan aktiviti boleh dilaksanakan di mana-mana pusat pembelajaran UKM dan organisasi luar, kebebasan untuk melakukan aktiviti yang digemari, penghasilan idea-idea baru dan asli (*authentic*) serta jumlah jam notional yang perlu dipenuhi. Malah jangka masa singkat yang diletakkan untuk melihat tahap kefahaman pelajar juga menjadi kekangan terhadap pemahaman objektif kokurikulum baru ini secara keseluruhan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan tahap kefahaman, pengetahuan dan persetujuan pelajar terhadap pelaksanaan kokurikulum baru ini masih berada pada tahap sederhana dengan nilai min antara 3.29 hingga 3.48 terhadap empat elemen utama yang merangkumi konsep kontrak pembelajaran, tujuan dilaksanakan, cara pelaksanaan dan mekanisme permohonan. Tahap pengetahuan responden berada pada tahap yang sangat baik dengan min antara 1.61 hingga 1.81. Sementara itu, tahap persetujuan dan penerimaan pelajar terhadap kokurikulum berkredit

berdasarkan kontrak pembelajaran hanya 35.4 peratus walaupun pelbagai informasi dan maklumat telah disediakan untuk memberi penerangan. Beberapa punca telah dikenalpasti menjadi penyebab kepada masalah ini. Oleh itu, beberapa langkah pengukuhan perlu dilakukan ke atas setiap elemen agar keyakinan pelajar terhadap pelaksanaan kokurikulum ini dapat ditingkatkan. Antaranya ialah mengadakan taklimat secara berterusan, hari pelanggan, penggunaan sistem dan melantik wakil-wakil daripada fakulti dan kolej. Selain itu, jangka masa yang lebih panjang juga diperlukan agar penelitian terhadap keberkesanan kokurikulum ini dapat dilihat dengan lebih mendalam lagi.

RUJUKAN

- Brecko, D. 2003. Learning Contract: A New Tool for Managing Knowledge. Knowledge Society –Challenges to Management Globalisation, Regionalism and EU Enlargement Process Proceedings of the 4th International Conference of the Faculty of Management Koper, University of Primorska. 20-22 November 2003.
- Canham J. & Bennett J. 2002. Mentorship in Community Nursing: Challenges and Opportunities. United Kingdom: Blackwell Science.
- Hermens, A. & Clarke, E. 2009. Integrating blended teaching and learning to enhance graduate attributes. *Journal of Education + Training*. 51 (5/6): 476-490.
- Jamaludin Haji Badusah, Rosna Awang Hashim, Mohd Majid Konting, Turiman Suandi, Maria Salih & Norhafezah Yusof. 2009. Pembangunan Pelajar: Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Johnston, B. & Watson, A. 2004. Participation, reflection and integration for business and lifelong learning: Pedagogical challenges of the integrative studies programme at the University of Strathclyde Business School. *Journal of Workplace Learning*. 16 (1/2): 53-62.
- Kamus Dewan. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuh, G. D., Kinzie, J., Gruce, T., Shoup, R., & Gonyea, R. M. 2006. Connecting the Dots: Multi-Faceted Analyses of The Relationships Between Student Engagement Results From The NSSE, and The Institutional Practices and Conditions That Foster student Success. National Survey of Student Engagement, Indiana University Center for Post Secondary Research and Planning. http://nsse.iub.edu/pdf/Connecting_the_Dots_Report.pdf
- Lemieux, C. M. 2001. Learning contracts in the classroom: tools for empowerment and accountability. *Journal of Social Work Education*. 20(2):263-276.
- Mahoney, J. L., Cairns, B. D, & Farmer, T. W. 2003. Promoting Interpersonal Competence and Educational Success Through Extracurricular activity Participation. *Journal of educational Psychology*. 95(2): 409-418.
- Mulder, M., Gulikers, J., Biemans, H. & Wesselink, R. 2009. The new competence concept in higher education: error or enrichment? *Journal of European Industrial Training*. 33(8/9): 755-770.
- Rye, K. J. EdD RRT. 2008. Perceived Benefits of the Use of Learning Contracts to Guide Clinical Education in Respiratory Care Students. *Journal of Respiratory Care*. 53(11): 1475- 1481.
- Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, Hassan Basri, Riza Atiq Abdullak O. K. Rahmat, Khaidzir Hj. Ismail, Jumali Hj. Selamat, Roslee Rajikan, Kadir Arifin dan Salina Ibrahim. 2011. Kokurikulum Berkredit Berasaskan Kontrak Pembelajaran. Bangi: Pusat Akreditasi Pembelajaran UKM.
- Tuohy, D. & Bailey, M. E. 2009. Student nurses' experiences of using a learning contract as a method of assessment. *Journal of Nurse Education Today*. 29: 758–762.
- Jumali Hj. Selamat (Dr.)
Pusat Akreditasi Pembelajaran,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: jumali@ukm.my
- Khaidzir Hj. Ismail (Prof. Madya Dr.)
Pusat Akreditasi Pembelajaran,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: izay@ukm.my
- Kadaruddin Aiyub (Prof. Madya Dr.)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: kada@ukm.my
- Kadir Arifin (Prof. Madya Dr.)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: kadir@ukm.my

Lukman @ Zawawi Mohamad (Prof. Dr.)
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan,
Universiti Malaysia Kelantan,
Karung Berkunci 36,
16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan.
Malaysia
E-mel: lukman@umk.my

Roslee Rajikan (Dr.)
Fakulti Sains Kesihatan
Jalan Yaacob Latif,
Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur. Malaysia.
E-mel: chocshake72@yahoo.com

Azahan Awang (Dr.)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: azahan@ukm.my

Mohd. Helmi Abd Rahim (Encik)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia
E-mel: mhelmi@ukm.my

Farhana Abdullah (Cik)
Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia

Nur Ain Kamal (Cik)
Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia